

# Dasar Pandang Ke Timur diteruskan: Abdullah

BT - 24/8/2004: 2 Pandang

## Daripada Misiah Taib

SEOUL: Sambil memberi komitmen akan meneruskan Dasar Pandang Ke Timur, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu ahli perniagaan Korea Selatan menjadikan Malaysia sebagai pintu masuk bagi menembusi pasaran Asean.

Sehubungan itu, Abdullah yang dalam lawatan rasmi pertamanya ke Korea Selatan berkata, Malaysia akan terus menawarkan kemudahan infrastruktur kelas pertama, struktur kos yang kompetitif, tenaga kerja mahir dan insentif bagi menggalakkan pelaburan asing.

Beliau berkata demikian dalam sesi dialog selepas menyampaikan ucapan pada Forum Perdagangan Malaysia-Korea Selatan anjuran Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) di sini, semalam, yang dihadiri 300 ahli perniagaan Korea Selatan dan 70 dari Malaysia.

Perdana Menteri yang tiba di sini malam kelmarin bagi memulakan lawatan tiga hari ke sini berkata, Dasar Pandang Ke Timur yang membawa manfaat kepada kedua-dua negara, akan tetap diteruskan walaupun berlaku peralihan kuasa di Malaysia.

Malah, katanya, ketika dasar itu diperkenalkan Perdana Menteri sebelum ini, Tun Dr Mahathir Mohamad, beliau menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan terbabit dalam pelaksanaannya.

"Namun sepanjang meneruskan program itu, beberapa penyesuaian mungkin perlu dibuat mengikut perubahan semasa," katanya sambil berharap rakyat Korea juga akan terus menyambut baik dasar berkenaan.

Menjawab soalan seorang ahli perniagaan Korea, Abdullah menjelaskan bahawa Malaysia tidak mempunyai hubungan dingin dengan mana-mana negara termasuk Amerika Syarikat, meskipun mungkin

berlaku percanggahan pendirian dalam beberapa isu, seperti soal Iraq dan Palestin.

Malah, kejayaan lawatan rasmi beliau ke Washington dan pertemuannya dengan Presiden George W Bush baru-baru ini membuktikan hubungan dua hala Kuala Lumpur-Washington masih kukuh.

"Amerika Syarikat juga masih menjadi rakan dagangan utama Malaysia dan kita menghantar beribu-ribu pelajar menuntut di negara itu. Kalau kita ada masalah dengan Amerika Syarikat, kita tidak akan hantar anak-anak kita belajar di sana," katanya.

Terdahulu, dalam ucaptamanya Abdullah mempelawa ahli perniagaan Korea supaya menjadi rakan kongsi dalam membangunkan industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dengan menamakan Koridor Raya Multimedia (MSC) sebagai medan pelaburan.

Katanya, MSC bukan saja menawarkan tempat untuk syarikat ICT terkemuka dunia seperti yang terdapat di Korea Selatan untuk mengembangkan lagi perniagaan, malah menjalankan penyelidikan, membangunkan produk dan teknologi baru, seterusnya mengeksport produk berkenaan.

Malaysia juga, katanya, berminat mengadakan usaha sama dengan Korea dalam sektor pembinaan dengan mengambil peluang di negara ketiga, sambil menambah Malaysia sudah pun melaksanakan projek di Timor Tengah, India, Afrika, Asia Selatan dan Asean.

"Projek terbabit termasuk pembinaan jalan dan lebuh raya, bangunan pencakar langit, loji jana kuasa, trek Formula 1, loji rawatan air dan pembangunan hartanah," katanya.

Abdullah berkata, hubungan pelaburan dan perdagangan antara Malaysia dan Republik Korea yang kukuh banyak menyumbang kepada hubungan dua hala kedua-dua negara.

Setakat ini, katanya, lebih 200 syarikat yang mempunyai kepentingan



**ABDULLAH bersalam dengan Roh Moo-hyun sebelum kedua-dua mereka mengadakan pertemuan tertutup di Rumah Biru Presiden, di Seoul semalam. - Gambar Bernama**

dengan Korea beroperasi di Malaysia dalam pelbagai bidang pembuatan, perdagangan, pembinaan, perkhidmatan kejuruteraan, ICT dan Pusat Kewangan Luar Pantai Antarabangsa Labuan.

"Antara syarikat besar yang sudah melabur di Malaysia termasuk Samsung, LG, Hyundai, KIA, SsangYong dan Daewoo. Korea secara konsisten menjadi antara sepuluh pelabur teratas di Malaysia dalam sektor pembuatan.

"Syarikat kecil dan sederhana dari Korea juga banyak mengadakan usaha sama, latihan dan pemindahan teknologi dengan syarikat di Malaysia," katanya.

Beliau berkata, dalam tempoh antara 1999 hingga 2003, nilai dagangan antara dua negara berkembang sebanyak lima kali ganda daripada RM5.7 bilion (AS\$1.5 bilion)

pada 1990 kepada RM28.8 bilion (AS\$7.6 bilion) pada 2003.

Katanya, Korea kini menjadi rakan dagangan kelapan terbesar, rakan eksport kesembilan terbesar dan sumber import kelima terbesar bagi Malaysia.

Perdana Menteri berkata, aliran dagangan kedua-dua negara juga amat menggalakkan dan untuk tempoh Januari hingga Jun tahun ini saja, dagangan kedua-dua negara bernilai RM18.24 bilion (AS\$4.8 bilion), peningkatan sebanyak 37.1 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

Malaysia yang sedang menuju ke arah menjadi pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini juga, katanya, mahu menawarkan peluang pendidikan kepada pelajar Korea di institusi pengajian tinggi swasta yang semakin bertambah.

"Sehingga kini, terdapat 18 institusi pendidikan tinggi awam, 20 universiti swasta dan 519 institusi pendidikan tinggi swasta di Malaysia yang menawarkan kursus dalam pelbagai bidang. Tahun ini saja 2,695 pelajar dari Korea mendaftar di institusi pendidikan tinggi swasta di Malaysia," katanya.

Di akhir forum berkenaan, Abdullah menyaksikan upacara menandatangani lima Memorandum Persefahaman (MoU) antara syarikat Malaysia dan Korea - SKH Info Sdn Bhd dan Korea Telecom Data Inc; QM Quest Sdn Bhd dan Korea Telecom Corporation; Profen Sdn Bhd dan Wooshin Systems Co.Ltd; Repadu Sdn Bhd dan Hyosung Ebara Environment Engineering Co Ltd serta Selecta Accord (M) Sdn Bhd dan Kora Railroad Technical Corporation and Rotem Company.